



MOSTI

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

(NUKLEAR MALAYSIA)



SEJARAH DAN PERANAN
HALA TUJU DAN KEMUDAHAN UTAMA

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI
PRODUK DAN PERKHIDMATAN

DIREKTORI DAN PETA LOKASI

SEJARAH

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) berfungsi memenuhi wawasan kerajaan untuk memperkenal dan mempromosi penggunaan sains dan teknologi nuklear dalam pembangunan negara.

Agensi Nuklear Malaysia ditubuhkan pada 19 September 1972, ketika itu ia dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE), dan kemudian dinamakan semula sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI).

Pada Jun 1983, PUSPATI diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dikenali sebagai Unit Tenaga Nuklear (UTN). Ia dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada Oktober 1990, dan pada 10 Ogos 1994 dikenali sebagai Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).

Pada 28 September 2006, MINT sekali lagi diberi identiti baru, iaitu sebagai Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Terletak pada kedudukan strategik merangkumi pusat pendidikan tinggi, kolej dan institut latihan kebangsaan, di samping berhampiran dengan Pusat Pentadbiran Negara, Putrajaya dan Pusat Koridoraya Multimedia, Cyberjaya, Nuklear Malaysia semakin gah melaksanakan aspirasinya.

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (NUKLEAR MALAYSIA)

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi yang mantap dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi. Kewujudannya amat sinonim dengan pembangunan, perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi nuklear di Malaysia.

Semenjak penubuhannya, Nuklear Malaysia telah diamanahkan dengan tanggungjawab memperkenal dan mempromosi sains dan teknologi nuklear dalam pembangunan negara, dan hingga hari ini Nuklear Malaysia kekal penting sebagai sebuah organisasi yang cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Nuklear Malaysia memainkan peranan penting dalam menyediakan kualiti dan penyelidikan yang cemerlang untuk menjana teknologi baru secara meluas bagi memenuhi keperluan pelbagai aplikasi teknologi nuklear. Kemampuan ini diperoleh berdasarkan latihan dan disiplin tenaga kerja profesional, infrastruktur, kejuruteraan serta makmal penyelidikan yang lengkap.

Demi mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan mampan, Nuklear Malaysia menyediakan persekitaran penyelidikan yang pelbagai bagi menghasilkan pencapaian cemerlang dan membanggakan buat Nuklear Malaysia. Cita-cita untuk menjadi sebuah agensi nuklear yang terunggul, bermutu dan cemerlang akan kekal berterusan.



SEJARAH DAN PERANAN
HALA TUJU DAN KEMUDAHAN UTAMA

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

DIREKTORI DAN PETA LOKASI

SASARAN DAN FUNGSI UTAMA

Visi

Menggunakan teknologi nuklear untuk penjanaan ilmu, mencipta kekayaan untuk kesejahteraan masyarakat dan negara.

Misi

Meneraju kecemerlangan dalam penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan lestari.

Objektif

- Menjana produk dan teknologi baru melalui penyelidikan dan inovasi berdasarkan agenda pembangunan negara.
- Mencapai sasaran minimum 30% dari bajet mengurus tahunan, menerusi pemindahan dan komersialisasi teknologi.
- Meningkatkan kecemerlangan organisasi melalui perancangan dan pengurusan berkualiti.

Fungsi-fungsi utama (P.U. (A) 312)

- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat dan latihan dalam bidang teknologi nuklear bagi pembangunan negara.
- Menggalakkan penggunaan, pemindahan dan pengkomersialan teknologi nuklear.
- Menyelaraskan dan menguruskan hal ehwal nuklear kebangsaan dan antarabangsa serta menjadi agensi penghubung dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Slogan

"Teknologi Nuklear Pemacu Wawasan Negara"

KEMUDAHAN UTAMA

Dalam usaha melengkapkan dan melicinkan pelaksanaan misi, Agensi Nuklear Malaysia menyediakan beberapa kemudahan utama yang mengaplikasi penggunaan sumber nuklear untuk tujuan penyelidikan dan komersial, ia meliputi :

- Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP)
- Loji Peninarian SINAGAMA
- Loji ALURTRON
- Loji Rawatan Sisa Radioaktif
- Loji Pemvulkanan Lateks (RayMINTEX)
- Loji Agro-Industri (STERIFEED)
- Loji Insinerasi
- Makmal Standard Dosimetri Sekunder (SSDL)
- Makmal Pengeluaran Radioisotop
- Makmal Analisa Pengaktifan Neutron (NAA)
- Makmal Ujian Tanpa Musnah (NDT)
- Makmal Sinaran Tidak Mengion (NIR)
- Makmal Polimer
- Makmal Tisu Kultur
- Pusat Biomaterial
- Laman Flora



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

Agensi Nuklear Malaysia menawarkan pelbagai kajian dan pembangunan teknologi dalam sektor sosioekonomi negara seperti industri, perubatan, pemprosesan radiasi, agro teknologi dan biosains serta keselamatan alam sekitar. Projek-projek penyelidikan ini menghasilkan pelbagai produk baru yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian.

Teknologi industri

- Pembangunan dan pencirian bahan.
- Penyelidikan dan pembangunan kaedah NDT.
- Penggunaan teknologi penyuruh dalam pengurusan alam sekitar dan industri.
- Pembangunan sistem untuk "trouble shooting" loji pemprosesan.
- Kemudahan analisa sampel alam sekitar, makanan, biologi dan sebagainya.

Teknologi Perubatan

- Pembangunan kit-kit radiofarmaseutikal.
- Pembangunan antibodi monoklonal.
- Pembangunan teknologi penyalutan tablet ubatan.
- Kajian teknologi pengimejan.
- Pembangunan teknologi pembuatan produk graf tulang tiruan.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

Pemprosesan Sinaran

- Penggunaan sinaran gama dan elektron ke atas bahan semula jadi seperti kitin, kitosan, getah asli dan polisakarida.
- Pembangunan tiub kecut haba
- Kajian komposit polimer serat kayu getah, kelapa sawit dan kenaf.
- Kajian pelekat sensitif tekanan dan dakwat pencetak.
- Sintesis dan modifikasi resin daripada minyak kelapa sawit.
- Rawatan air buangan industri, air minuman dan gas serombong
- Kajian tautsilang busa dan filem terbiodegradasi.

Agroteknologi dan Biosains

- Kajian mutasi aruhan dan bioteknologi tanaman.
- Perkembangan penanda DNA dan 'Flow Cytometry' dalam penghasilan varieti baru tanaman hiasan dan pokok buah-buahan.
- Pemodenan industri gaharu.
- Pengeluaran produk hidrogel.

Alam Sekitar

- Kajian pencemaran marin dan udara.
- Kajian hidrologi dan pengaliran bahan pencemar.
- Kajian hakisan dan pemendakan tanah.
- Kajian pergerakan sedimen di muara sungai dan pesisir pantai
- Pembangunan teknologi insinerasi.

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Berdasarkan kepada kepelbagaian penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pelbagai sektor ekonomi, Agensi Nuklear Malaysia turut menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan tanpa mengeneptikan aspek pengkomersialan dan pemindahan teknologi bagi memuaskan hati pelanggan.

Produk

- Lateks getah tervulkan dengan sinaran
- Kit diagnostik perubatan
- Radioisotop perubatan
- Radioisotop industri
- Radioisotop pertanian
- Varieti baru tanaman hiasan dan buah-buahan
- Biobahan



Perkhidmatan

- Kajian dan penilaian alam sekitar
- Pengawasan alam sekitar
- Penilaian impak bahan radiologi
- Pengurusan sumber air
- Pengurusan sisa pertanian, industri dan kediaman



Jaminan Kualiti

- Dosimetri personel
- Jaminan kualiti perubatan
- Jaminan kualiti industri



Sterilisasi Bukan Kimia

- Penyinaran gama
- Penyinaran elektron



Khidmat Teknikal dan Kejuruteraan

- Pemeriksaan dan ujian bahan, struktur dan loji industri
- Pemeriksaan industri dan kawalan proses
- Teknologi pertanian
- Teknologi perubatan
- Analisa dan pernilaian bahan



Latihan


- Teknologi ujian dan pemeriksaan
- Keselamatan persekitaran dan kesihatan
- Instrumentasi dan kejuruteraan
- Pengurusan teknologi
- Sinar-X perubatan



DI PERSADA DUNIA

Beberapa peranan dan pencapaian cemerlang yang dilaksanakan oleh Nuklear Malaysia sama ada dalam negara maupun di arena antarabangsa adalah:

- Menggembangkan tenaga bersama Kementerian Luar Negeri dalam menjalin hubungan dengan masyarakat antarabangsa terutama dalam menangani isu-isu nuklear pelbagai hala.
- Dipertanggungjawabkan mewakili negara dalam rundingan berkaitan dengan isu nuklear pelbagai hala.
- Menjalin hubungan dua hala dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), yang beribupejabat di Vienna, Austria.
- Menjadi koordinator untuk Regional Co-operative Agreement (RCA) dan Forum Kerjasama Nuklear di Asia (FNCA).
- Memberi peluang kepada masyarakat umum melihat dengan lebih dekat reaktor nuklear dan kemudahan utama lain yang terdapat di agensi ini melalui lawatan dan pameran yang diadakan.
- Melindungi kepentingan sosial terutama dalam isu berkaitan pencemaran radioaktif, sama ada pencemaran semula jadi ataupun buatan manusia.
- Menjadi agensi kerajaan yang pertama diiktiraf dengan ISO 9000 (1991).
- Menjadi antara 10 agensi yang ditauliahkan dengan ISO 9001.
- Dua buah makmal diiktiraf dengan ISO 17025 (Makmal ujian dan makmal penilaian).
- Sedang dalam proses akreditasi dengan OHSAS 18001 / IMS.



DIREKTORI

PETA LOKASI

PEJABAT KETUA PENGARAH

Ketua pengarah
Agenzia Nuklear Malaysia,
Kompleks Bangi, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : ++ 6 03 8925 0644
Faks : ++ 6 03 8925 3827

Hubungi:
Pejabat Am (sambungan: 1614 / 1263)

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

Ketua Pengarah
Agenzia Nuklear Malaysia,
Kompleks Bangi, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : ++ 6 03 8928 2909
Faks : ++ 6 03 8928 2945

Hubungi:
Pejabat Am (sambungan: 1028 / 1036)
(U.p : Pengarah BPM)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

Ketua Pengarah
Agenzia Nuklear Malaysia,
Kompleks Bangi, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : ++ 6 03 8928 2928
Faks : ++ 6 03 8928 2929

Hubungi:
Pejabat Am (sambungan: 1060 / 1078)
(U.p : Pengurus UKK)



**KETUA PENGARAH
AGENZIA NUKLEAR MALAYSIA
BANGI, 43000 KAJANG, SELANGOR**

<http://www.nuclearmalaysia.gov.my>
Tel: ++ 6 03 8925 0510 Faks: ++ 6 03 8925 8262

Rekabentuk dan Media
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

